

25/02/1998

11-19 Julai pilihan Sukom '98

Lukman Salleh

PENGANJUR Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98) menetapkan 11 hingga 19 Julai untuk kejohanan pra-Sukan Komanwel, khusus untuk menguji lima gelanggang utama di Kompleks Sukan Negara (KSN), Bukit Jalil.

Tarikh itu dianggap paling sesuai selepas mengambil kira beberapa kejohanan antarabangsa yang akan diadakan sepanjang bulan itu serta mengelakkan sebarang pertembungan.

Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata tidak ada bayaran akan dikenakan untuk menyaksikan kejohanan pra-Sukan Komanwel itu.

"Tarikh 11 hingga 19 Julai ini akan menepati tempoh sesuatu sukan itu harus dilengkapkan serta mengambil kira kejohanan antarabangsa, yang akan disertai atlet negara."

"Antaranya ialah Kejohanan Olahraga Asia di Fukuoka, Jepun pada 19 hingga 24 Julai serta bola sepak Piala Dunia yang akan berakhir pada 12 Julai. Jadi, ia tidak akan mengganggu kejohanan pra-Komanwel ini."

"Sukom '98 juga akan menjemput pegawai teknikal luar negara untuk membantu mengendalikan temasya ini," kata Hashim selepas mesyuarat dengan lima persatuan sukan di Stadium Negara, semalam.

Sukan terbabit dengan kejohanan di lima gelanggang utama di KSN yang akan siap sepenuhnya Jun ini ialah olahraga, renang, hoki lelaki, gimnastik dan skuasy.

Skuasy akan dilengkapkan dengan penganjuran kejohanan Asia yang memerlukan lapan hari, manakala olahraga dan hoki pula memerlukan tempoh empat hari dengan penyertaan beberapa atlet dari Asia.

Bagi gimnastik dan renang, ia adalah kejohanan tempatan yang masing-masing memerlukan enam hari untuk dilengkapkan.

Kejohanan pra-Sukan Komanwel secara serentak itu dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai peluang untuk menguji gelanggang di KSN serta membetul dan memperbaiki segala kelemahan yang mungkin timbul.

Menurut Hashim, dalam kejohanan itu juga Sukom '98 akan turut mengadakan ujian dadah, menguji sistem teknologi maklumat, kecekapan sukarelawan, kawalan keselamatan dan gerakan penonton yang dijangka membanjiri gelanggang itu.

"Pada 11 Julai, Sukom '98 bercadang mengadakan pertunjukan pada sebelah malam dalam usaha untuk memenuhi stadium utama dengan 100,000 penonton supaya kita dapat mengkaji sistem lalu lintas sebelum dan selepas acara itu."

"Kita belum mengkaji sama ada mengenakan bayaran untuk pertunjukkan itu tetapi bagi kejohanan yang berlangsung tiket bernombor akan dikeluarkan dan boleh didapati di semua gelanggang kejohanan."

"Kami juga sedang berusaha untuk menggunakan perkampungan sukan dan zon antarabangsa dalam pra-Sukan Komanwel sekiranya mendapat kelulusan," kata Hashim.

Sukom '98 bertanggung jawab sepenuhnya menampung belanjawan temasya ini dan jadual lima pertandingan pra-Komanwel itu akan mengikuti jadual asal yang sudah ditetapkan Sukan Komanwel sebenar pada September nanti.

(END)